



**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN LANTIKAN SEBAGAI
PENYEDIA LATIHAN BERTAULIAH CIDB
BAGI
PROGRAM PENYELIAAN, PENGURUSAN DAN
'CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT' (CPD)**

DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI PENYELIAAN DAN PENGURUSAN
SEKTOR PEMBANGUNAN PERSONEL DAN KONTRAKTOR

Jadual 1: Syarat-syarat permohonan sebagai Penyedia Latihan Bertauliah (PLB) CIDB

KATEGORI	PROGRAM PENYELIAAN PROGRAM PENGURUSAN PROGRAM CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)
ENTITI	SYARIKAT MILIK TUNGGAL / PERKONGSIAN SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD / BERHAD KOPERASI PERSATUAN
NAMA LATIHAN	PROGRAM LATIHAN DAN PENILAIAN PENYELIAAN PROGRAM LATIHAN DAN PENILAIAN PENGURUSAN PROGRAM CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)
PERSIJILAN	PERAKUAN KECEKAPAN PENYELIAAN PEMBINAAN (Kategori Program Penyeliaan) PERAKUAN KECEKAPAN PENGURUSAN PEMBINAAN (Kategori Program Pengurusan) PERAKUAN KECEKAPAN PENGURUSAN PEMBINAAN (PEMBENTUNGAN)
SYARAT SEBAGAI TENAGA PENGAJAR	<ul style="list-style-type: none"> a. No. Sijil Pentauliah sebagai Tenaga Pengajar Bertauliah CIDB (yang berkaitan dengan kategori permohonan sebagai PLB). b. Tempoh pentauliah tenaga pengajar yang masih sah. c. Mempunyai sijil Train the Trainer (TTT) yang diiktiraf oleh CIDB (NIOSH / HRDF).

SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEBAGAI PENYEDIA LATIHAN BERTAULIAH CIDB (PLB)

1. Memohon menggunakan Borang Permohonan sebagai Penyedia Latihan Bertauliah (PLB) CIDB mengikut kategori samada kategori **Program Penyeliaan** atau **Program Pengurusan** atau **Program CPD**.
2. Hanya satu (1) permohonan bagi satu (1) kategori dibenarkan.
3. Memenuhi semua syarat pendaftaran seperti yang tertulis di dalam bahagian senarai semak di dalam borang permohonan masing-masing.
4. Membayar fi pemrosesan permohonan sebanyak RM53 (termasuk 6% GST) sewaktu mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
5. Surat pemakluman keputusan perlantikan akan dikeluarkan bersama arahan bayaran sebanyak RM318 (termasuk 6% GST) bagi 2 tahun lantikan.
6. Bayaran boleh dibuat ke atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** secara Bank Deraf/Money Order/Tunai di mana-mana kaunter Pejabat Negeri CIDB dan Cawangan dan Ibu Pejabat CIDB, atau secara atas talian (*pemakluman mengenai pembayaran secara atas talian akan dibuat oleh pihak CIDB*).
7. Serahkan salinan resit keputusan perlantikan tersebut ke Bahagian Pembangunan Kompetensi Penyeliaan dan Pengurusan.
8. Sijil Pentauliah sebagai Penyedia Latihan Bertauliah CIDB (PLB) akan dikeluarkan setelah menerima salinan resit seperti yang disebut di para (7).
9. Tempoh masa 2 tahun lantikan akan bermula dari tarikh bayaran resit keputusan diterima.
10. Sijil Pentauliah sebagai Penyedia Latihan Bertauliah CIDB (PLB) akan dikepilkan bersekali dengan Terma dan Syarat sebagai PLB.